

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** rancangan Kementerian untuk memperkenalkan polisi "*booster dose*" COVID-19 dari segi kumpulan yang diutamakan dan mekanisme bagaimana ia diimplementasikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan pada 19 September 2021 telah bersetuju untuk melaksanakan pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 bagi meningkatkan perlindungan kepada golongan rentan daripada risiko jangkitan COVID-19.
2. Selaras dengan keputusan tersebut, pada 17 Oktober 2021, satu Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 17/2021 bertajuk **Perluasan Pelaksanaan Program Imunisasi COVID- 19 Kebangsaan (PICK) dengan Pemberian Dos Tambahan dan Dos Pengalok (Booster).**
3. Polisi Pemberian Dos Tambahan dan Dos Pengalok ini dilaksanakan berdasarkan **pengesyoran Jawatankuasa Teknikal Khas Penetapan Polisi bagi pemberian Dos Tambahan Vaksin COVID-19 melibatkan pakar-pakar perubatan berdasarkan maklumat terkini hasil kajian dalam dan luar negara kepada Jawatankuasa Khas**

Jaminan Akses COVID- 19 (JKJAV). JKJAV seterusnya telah bersetuju untuk melaksanakan **pemberian dos tambahan dan dos penggalak secara sukarela pada 30 September 2021.**

4. Objektif pemberian kedua-dua dos tersebut adalah untuk **memastikan tempoh perlindungan yang optimum diperolehi oleh penerima vaksin COVID- 19 di Malaysia.** Pelaksanaan tersebut adalah seperti berikut:

5.1 Pemberian dos tambahan

- a) Pemberian dos tambahan akan diberikan kepada **individu yang mempunyai imunit yang rendah (*immunocompromised*) seperti yang diperincikan dalam *Clinical Guidelines on COVID-19 Vaccination in Malaysia, 4th Edition*;**
- b) Pemberian dos tambahan akan diberikan **sekurang-kurangnya selepas 28 hari menerima dos primer terakhir; dan**
- c) Pemilihan vaksin bergantung kepada kelulusan indikasi penggunaan oleh Pakar Perubatan merawat serta bekalan vaksin yang tersedia sama ada daripada jenis yang sama (homologous) atau berlainan (heterologous) dengan dos primer terakhir.

5.2 Pemberian Dos Penggalak

- a) Pemberian dos penggalak akan diberikan **keutamaan kepada kumpulan rentan dan berisiko tinggi terhadap jangkitan COVID- 19 (*breakthrough infection*)** iaitu:
 - i. Petugas kesihatan;
 - ii. warga emas; dan
 - iii. Penghuni termasuk petugas di pusat jagaan kesihatan jangka panjang seperti pusat penjagaan warga emas, *nursing home* dan sebagainya.

SOALAN NO : 28

- b) Pemberian dos penggalak akan diperluaskan kepada semua penduduk apabila mereka melewati tempoh yang disyorkan selepas menerima vaksin dos lengkap.
 - c) Pemberian dos penggalak akan diberikan sekurang-kurangnya enam bulan selepas penerimaan dos primer lengkap bagi vaksin Comirnaty. Tempoh masa pemberian bagi penerima dos primer lengkap vaksin selain Comirnaty akan ditentukan berdasarkan kelulusan indikasi penggunaan dan syor pakar perubatan.
 - d) Pemilihan Vaksin (*homologous* atau *heterologous*) bergantung kepada kelulusan indikasi penggunaan serta bekalan vaksin yang tersedia.
5. Pemberian vaksin bagi dos tambahan dan penggalak ini perlulah daripada jenis vaksin yang telah diluluskan dan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PKPD). **Pada 8 Oktober 2021, PKPD telah memberikan kelulusan bersyarat sebagai dos penggalak kepada Vaksin Comirnaty (Pfizer- BioNTech).**
6. Mesyuarat JKJAV Bil. 18/2021 juga telah meluluskan pelaksanaan pemberian vaksin dos tambahan secara heterologous kepada individu yang akan melakukan perjalanan ke luar negara bagi memenuhi syarat yang ditetapkan oleh negara-negara berkenaan.

Sekian, terima kasih.